



# UMP taraw program akademik futuristik dan bertaraf dunia

## PROFIL

**Nama:** Prof. Dr. Sabarudin bin Mohd.

**Tarikh lahir:** 15 November 1955

**Tempat lahir:** Temerloh, Pahang

**Taraf perkahwinan:** Berkahwin  
(3 orang anak)

**Pendidikan tinggi:** Ph.D. Structures  
(Birmingham, UK) (1990)  
M.Sc. Structures (Strathclyde, UK) (1987)  
B.Sc. (Hons) Civil Engineering (Glasgow,  
UK) (1986), dan  
Dip. in Civil Engineering (Glasgow, UK)  
(1979)

### Pengalaman

**Tarikh dilantik ke jawatan Pensyarah:**

14 Mei 1990 (USM)

**Tarikh dinaikkan pangkat ke jawatan**

**Profesor Madya:** 1 April 1996 (USM)

**Tarikh dilantik ke jawatan Profesor:**

1 Disember 2005 (KUKTEM)

**Jawatan sekarang:** Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa) (UMP): 1 Jun

2007 – 31 Mei 2010

### **CREATE:**

*Pertamanya, saya bagi pihak Sidang Editorial CREATE ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. di atas kesudian dan kelapangan masa untuk ditemu bual pada keluaran kali ini. Sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) tentu sekali Prof. sendiri mempunyai visi dan misi dalam membawa UMP mencapai satu tahap yang cemerlang dalam bidang akademik dan antarabangsa sejajar dengan hasrat UMP menjadi sebuah Universiti Teknikal Bertaraf Dunia?*

### **TNC (A & A):**

Terima kasih. Saya akui bahawa peranan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) amatlah besar kerana akademik adalah merupakan tunjang utama sesebuah universiti, manakala pengantarabangsa pula adalah satu agenda yang sangat mencabar, terutama bagi sebuah universiti seperti UMP yang belum mempunyai susur sejarah yang kukuh dalam kedua-dua aspek tersebut. Namun begitu, saya berpandangan, secara bersama kita mampu membangunkan UMP setaraf dengan universiti terkemuka di dalam dan luar negara.

Justeru, saya perlu memastikan bahawa semua program terutama sekali di peringkat prasiswazah bukan sahaja diiktiraf, relevan dan terkini, tetapi juga mempunyai ciri-ciri keunikannya yang tersendiri, bersesuaian dengan moto universiti ini; *Engineering, Technology, Creativity*. UMP mesti mempelopori dalam melahirkan graduan yang bersifat futuristik, berfikiran baharu dan bertatasusila tinggi. Graduan UMP harus mampu bersaing di peringkat global dan bijak meneroka peluang di arena antarabangsa.

Bukanlah sesuatu yang mudah untuk membawa jenama UMP ke persada global, namun ianya perlu digembangkan secara perkongsian bestari oleh segenap lapisan masyarakat universiti ini yang terdiri daripada pengurusan universiti, staf akademik, staf bukan akademik dan para pelajar sendiri. Dengan cara ini, UMP mampu untuk menerajui kecemerlangan akademik seterusnya mencapai status sebagai sebuah universiti teknikal bertaraf dunia.